



CUKAI JUALAN

**PANDUAN
PENENTUAN JUALAN NILAI BARANG
BERCUKAI
DI BAWAH SEKSYEN 9(3)
AKTA CUKAI JUALAN 2018**

Diterbitkan oleh:

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri (CDN)
Putrajaya**

30 Januari 2020

Penerbitan

Tarikh: 30 Januari 2020

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2020 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Cukai Jualan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG DIGUNAPAKAI	1
TERMINOLOGI.....	1
SYARAT – SYARAT KELULUSAN.....	3
Syarat Umum	3
Penentuan Nilai Jualan Barang Bercukai Berdasarkan Amaun Kerja Yang Dilakukan Tanpa Assist	4
Penentuan Nilai Jualan Barang Bercukai Berdasarkan Amaun Kerja Yang Dilakukan Termasuk Assist	4
JENIS PENGILANGAN YANG TIDAK LAYAK MENGGUNAKAN AMAUN KERJA YANG DILAKUKAN SEBAGAI NILAI JUALAN BARANG BERCUKAI	4
PERMOHONAN MENGGUNAKAN AMAUN KERJA YANG DILAKUKAN SEBAGAI NILAI JUALAN BARANG BERCUKAI	5
PERTANYAAN	6
BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST	6

PENGENALAN

1. Seksyen 9(3), Akta Cukai Jualan 2018 menjelaskan bahawa mana-mana pengilang menerima barang bercukai daripada mana-mana orang untuk dikilangkan dan kemudiannya memulangkan barang yang telah dikilangkan sedemikian kepada orang itu, nilai jualan barang yang dikilangkan sedemikian hendaklah, tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah Kastam, merupakan amaun yang dikenakan oleh pengilang itu bagi kerja yang telah dilakukannya.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG DIGUNAPAKAI

2. Perundangan berkaitan pelaksanaan penentuan jualan nilai barang bercukai di bawah Seksyen 9(3) Akta Cukai Jualan 2018 adalah seperti berikut:

- (i) Seksyen 9(3), Akta Cukai Jualan 2018
- (ii) Seksyen 106(2)(c), Akta Cukai Jualan 2018
- (iii) PDK 2017, Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) 2018
- (iv) Perintah Cukai Jualan (Barang Yang Dikecualikan Daripada Cukai) 2018

TERMINOLOGI

3. Perkataan berikut mempunyai maksud berikut di dalam panduan ini:

- (i) “ACJ 2018” : Akta Cukai Jualan 2018
- (ii) “PCJ 2018” : Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 2018
- (iii) “PDK 2017” : Perintah Duti Kastam 2017

- (iv) “Mengilang” : Berhubung dengan barang selain petroleum, penukaran secara manual atau mekanikal bahan-bahan organik atau bukan organik kepada suatu produk baharu dengan mengubah saiz, bentuk, komposisi, sifat atau kualiti bahan-bahan itu termasuklah pemasangan bahagian-bahagian ke dalam suatu jentera atau produk lain, tetapi tidak termasuk pemasangan jentera atau kelengkapan bagi maksud pembinaan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 3 ACJ 2018.
- (v) “Pengilang berdaftar” : Pengilang yang didaftarkan di bawah seksyen 13 atau 14 ACJ 2018.
- (vi) “Portal MySST” : Laman web rasmi Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan Malaysia.
- (vii) “Amaun kerja yang dilakukan” : Apa-apa caj yang boleh dikenakan termasuk:
a) Upah; atau
b) *assist*
- (viii) “*Assist* (bantuan)” : Apa-apa barang tambahan dan perkhidmatan yang dibekalkan oleh pengilang dan/atau diperolehi daripada mana-mana pembekal selain penghantar untuk tujuan pengilangan.
- (viii) “Penghantar” : Mana-mana orang yang menghantar barang kepada pengilang untuk dikilangkan dan kemudiannya menerima semula barang bercukai yang telah dikilangkan.
- (x) Upah : Kos buruh dan overhead

SYARAT – SYARAT KELULUSAN

4. Pengilang dibenarkan membuat penilaian jualan barang bercukai berdasarkan amaun kerja yang dilakukan mengikut seksyen 9(3) ACJ 2018 tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

Syarat Umum

5. Pengilang menjalankan kerja-kerja pengilangan ke atas barang yang diterima daripada penghantar;

6. Semua barang yang dihantar kepada pengilang mestilah barang bercukai;

7. Barang yang dihantar adalah dalam bentuk bahan mentah, komponen, bahan pembungkusan dan barang separa siap untuk tujuan proses pengilangan selanjutnya;

8. Barang yang dihantar yang telah dijalankan kerja-kerja pengilangan dikembalikan semula kepada penghantar tersebut;

9. Penghantar yang menghantar barangan tersebut boleh terdiri daripada mana-mana orang;

10. Sekiranya penghantar dan pengilang (penerima) adalah pengilang berdaftar, dan penghantar menggunakan pengecualian Butiran 5, Jadual C, Perintah Cukai Jualan (Orang yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018, nilai jualan barang bercukai yang dihantar semula tidak tertakluk kepada Seksyen 9(3) ACJ2018 kerana barang tersebut telah dikecualikan cukai jualan;

11. Pengilang yang menerima barang yang dihantar dibenarkan untuk membuat penambahan barang untuk kerja-kerja pengilangan.

Penentuan Nilai Jualan Barang Bercukai Berdasarkan Amaun Kerja Yang Dilakukan Tanpa Assist

12. Pengilang yang menjalankan kerja-kerja pengilangan atas barang bercukai yang diterima daripada penghantar dan tiada tambahan assist oleh pengilang dalam kerja-kerja pengilangan tersebut.

13. Amaun kerja yang dilakukan dalam penentuan nilai jualan barang bercukai yang dikembalikan semula adalah nilai upah sahaja.

Penentuan Nilai Jualan Barang Bercukai Berdasarkan Amaun Kerja Yang Dilakukan Termasuk Assist

14. Pengilang yang menjalankan kerja-kerja pengilangan atas barang bercukai yang diterima daripada penghantar dan terdapat assist semasa kerja-kerja pengilangan tersebut.

15. Penentuan nilai jualan barang bercukai yang dikembalikan semula adalah berdasarkan amaun kerja yang dilakukan termasuk nilai assist sama ada assist tersebut telah dibayar cukai jualan atau tidak.

JENIS PENGILANGAN YANG TIDAK LAYAK MENGGUNAKAN AMAUN KERJA YANG DILAKUKAN SEBAGAI NILAI JUALAN BARANG BERCUKAI

16. Semua barang yang diterima daripada penghantar untuk dilakukan kerja-kerja pengilangan adalah barang yang tidak bercukai.

17. Semua barang yang diterima daripada penghantar untuk dilakukan kerja-kerja pengilangan adalah campuran barang bercukai dan tidak bercukai di bawah ACJ 2018.

18. Mana-mana pengilang yang tidak layak untuk menggunakan amaun kerja yang dilakukan sebagai nilai jualan barang bercukai, pengilang tersebut adalah tertakluk

kepada Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Penentuan Nilai Jualan Barang Bercukai) 2018.

PERMOHONAN MENGGUNAKAN AMAUN KERJA YANG DILAKUKAN SEBAGAI NILAI JUALAN BARANG BERCUKAI

19. Mana-mana pengilang yang menerima barang bercukai daripada mana-mana orang untuk dikilangkan dan kemudiannya memulangkan barang yang telah dikilangkan dikehendaki memohon kelulusan Ketua Pengarah Kastam untuk menggunakan amaun kerja yang dilakukan sebagai nilai jualan barang bercukai.

20. Permohonan penentuan nilai jualan barang bercukai atas amaun kerja yang dilakukan hendaklah menggunakan Borang 9(3) seperti di lampiran A dan dikemukakan kepada Penolong Ketua Pengarah Zon/ Pengarah Kastam Negeri stesen mengawal untuk mendapatkan kelulusan.

PERTANYAAN

Sebarang panduan berkaitan panduan ini sila berhubung:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (CDN)

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 3 - 7, Blok A, Menara Tulus,

No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,

62100 Putrajaya.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

(i) Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>

(ii) Pusat Panggilan Kastam

- Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
- Fax : 03-7806 7599
- Email: ccc@customs.gov.my



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
BORANG PERMOHONAN MENGGUNAKAN AMAUN KERJA YANG
DILAKUKAN SEBAGAI NILAI JUALAN BARANG BERCUKAI
(SEKSYEN 9(3) ACJ 2018)

A. MAKLUMAT SYARIKAT

1. Nama Syarikat/ perniagaan :	
2. No daftar Syarikat/ perniagaan :	
3. No pendaftaran cukai jualan (jika berkaitan) :	
4. Alamat:	
5. Emel syarikat/ perniagaan :	
6. No Telefon :	
7. No Faksimili :	

B. MAKLUMAT BARANG YANG DIKILANGKAN

Bil.	Perihal Barang	Kod Tarif

* sila gunakan lampiran sekiranya ruangan tidak mencukupi

C. MAKLUMAT BARANG YANG DIHANTAR OLEH PENGHANTAR
(Bahan Mentah/ Komponen/ Bahan Pembungkusan)

Bil.	Jenis Barang	Kod Tarif	Nama Penghantar

* sila gunakan lampiran sekiranya ruangan tidak mencukupi

D. ASSIST			
(Bahan mentah yang dibeli sendiri termasuk komponen, pembungkusan, bahan bantuan pengilangan)			
Bil	Jenis Bahan Mentah	Kod Tarif	Nama Pembekal

* sila gunakan lampiran sekiranya ruangan tidak mencukupi

E. Lain-lain assist : (Contoh : Acuan, Dai (die), kerja-kerja kejuruteraan, kerja-kerja pembangunan, kerja-kerja seni, rekabentuk, pelan dan lakaran)

.....

F) PERAKUAN OLEH PENGILANG	
	TANDAKAN
Pengilang menjalankan kerja-kerja pengilangan ke atas barang yang diterima daripada penghantar	<input type="checkbox"/>
Status barang yang diterima daripada penghantar untuk dijalankan kerja-kerja pengilangan	
1. Semua barang bercukai	<input type="checkbox"/>
2. Semua barang tidak bercukai	<input type="checkbox"/>
3. Campuran barang bercukai dan tidak bercukai	<input type="checkbox"/>
Barang-barang yang telah dijalankan kerja-kerja pengilangan akan dikembalikan semula kepada penghantar tersebut	<input type="checkbox"/>
Pengilang ada membuat penambahan barang dan perkhidmatan untuk kerja-kerja pengilangan ke atas barang yang diterima daripada penghantar	<input type="checkbox"/>

- Sila tandakan (✓) mana yang berkenaan

Dengan ini, saya (**nama pemohon**) No. Kad Pengenalan/ Passport mengaku bahawa semua maklumat di atas adalah betul dan benar.

Tandatangan :
 Nama Jawatan :
 Cop Syarikat :
 Tarikh :